

USAHA LUAR BIASA KUNCI KECEMERLANGAN DALAM PELAJARAN

Oleh: Nur Saadah binti Adam, 1171745,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020

Setiap insan ada rahsia masing-masing dan ingin berjaya dalam kehidupan mereka. Sering diulangi ungkapan bahawa pelajar yang luar biasa mempunyai usaha yang luar biasa seiring dengan kaedah belajar yang luar biasa dan seterusnya mencapai keputusan yang luar biasa.

Ungkapan tersebut sudah sinonim dengan pelajar selagi mereka masih menuntut ilmu dan bergelar pelajar.

Perkara ini sentiasa diolah dan diceritakan oleh pelajar cemerlang namun kali ini penulis telah melihat dengan mata penulis sendiri bahawa cerita ini bukanlah rekaan semata-mata.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap rahsia kejayaan pasti menitikberatkan beberapa perkara tertentu dan ia amat mudah untuk dilaksanakan, bergantung pada keinginan individu tertentu.

Penulis ingin berkongsi tentang kisah adik penulis serta beberapa perkara yang diamalkan sepanjang hidupnya.

Sebagai seorang kakak, penulis berasa sangat bangga kerana mempunyai seorang adik sepertinya. Dia bukan calang-calang orang.

Pencapaiannya dalam Sijil Pelajaran Malaysia adalah cemerlang dalam semua subjek iaitu 11 A serta menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran di peringkat asasi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dengkil dalam bidang sains.

Namun, dia sanggup menolak tawaran tersebut kerana ingin melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam. Dia berjaya beroleh gred purata 4.0 pada semester pertama.

Antara amalannya yang dapat penulis coretkan adalah dia sentiasa menunaikan solat lima waktu secara berjemaah sama ada di sekolah atau di rumah.

Dia tidak akan keluar rumah selagi belum menunaikan solat sunat dhuha walaupun waktu tersebut masih panjang.

Di samping itu, dia juga sentiasa bangun malam bagi menunaikan solat sunat tahajjud ketika semua adik-beradiknya yang lain sedang nyenyak tidur.

Selain itu, sikapnya terhadap ibu bapa juga amat terpuji. Dia tak pernah membantah segala perintah atau suruhan ibu atau ayah walaupun mempunyai banyak kerja yang hendak dilakukan.

Dia juga sangat tegas dengan adik-adiknya apatah lagi jika melibatkan soal ibadah. Dia tidak akan bertoleransi sekiranya adik-adiknya ponteng solat berjemaah. Semua adik-adik amat menghormati dan menyayanginya dan begitu juga dengan penulis.

Semua perkara di atas sebenarnya tidak asing lagi bagi kita tetapi tidak mustahil untuk dilakukan. Kesungguhan untuk mencapai kejayaan amat bergantung kepada sikap dan usaha kita sendiri.

